



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEJADIAN DISYAKI KEBOCORAN BAHAN KIMIA DI DAERAH JOHOR BAHRU

Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Johor ingin merujuk kepada satu kejadian disyaki tumpahan sejenis bahan kimia pada jam 10 pagi di Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor Bahru. Sisa toksik ini disyaki berpunca daripada pembuangan bahan kimia terlarang ke Sungai Kim Kim, namun punca sebenar kejadian masih lagi dalam siasatan pihak berwajib. Kejadian ini telah menyebabkan insidens bau yang menyengit, diikuti dengan pedih mata, sakit dada dan sesak nafas di kalangan mangsa.

Sehingga kini pukul 5 petang 7 Mac 2019, terdapat 35 orang mangsa yang terlibat dengan 26 orang telah dirujuk ke Hospital Sultan Ismail (HSI) untuk rawatan lanjut, manakala selebihnya telah mendapat rawatan pesakit luar dan telah dibenar pulang. Mereka yang dirujuk ke HSI terdiri daripada 16 orang pelajar sekolah dan 10 orang dewasa. Dari jumlah tersebut, 21 telah dimasukkan ke wad dan 5 lagi masih dirawat di unit kecemasan. Antara yang telah dimasukkan ke wad, tiga (3) orang mangsa telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Buat masa ini, keadaan semua mangsa adalah stabil. Di antara mereka yang dirujuk ke hospital juga, terdapat lima (5) orang mangsa yang merupakan anggota kesihatan (4 orang dari HSI dan seorang dari Klinik Kesihatan).

Pasukan Perubatan dan Kesihatan dari Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, Klinik Kesihatan Pasir Gudang dan Unit Trauma Hospital Sultan Ismail telah turun ke lapangan untuk menjalankan penilaian dan *response* bersama agensi lain yang berkaitan. Pasir Gudang Mutual Aid (PAGEMA) di bawah Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) juga telah diaktifkan.

JKN Johor juga akan terus bekerjasama dengan semua agensi yang terlibat dalam memastikan kesihatan dan keselamatan penduduk adalah terjaga. Antara tindakan proaktif yang telah diambil adalah dengan mengeluarkan '*alert*' kepada Klinik Kesihatan, Klinik Swasta, Hospital Kerajaan dan Hospital Swasta bagi melaporkan kes yang

mempunyai gejala pedih mata, sakit dada dan sesak nafas dan disyaki terhidu dan terdedah kepada bahan kimia tersebut. Pemantauan akan diteruskan sehingga tiada kes yang dilaporkan.

Jabatan Kesihatan Negeri Johor menasihatkan kepada orang awam untuk mengelakkan diri dari memasuki dan berada di kawasan kejadian tersebut. Selain itu, orang ramai juga diingatkan supaya:

1. Orang awam dan petugas yang terlibat di kawasan kejadian diminta mengambil langkah-langkah keselamatan dan pencegahan yang perlu termasuk alat pelindung diri yang sesuai mengikut arahan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
2. Orang ramai dinasihatkan tidak melakukan sebarang aktiviti termasuk aktiviti riadah berdekatan kawasan Sg. Kim Kim Pasir Gudang sehingga arahan seterusnya.
3. Orang awam juga diminta menggunakan air terawatt untuk aktiviti harian.
4. Orang awam diminta mengikut maklumat terkini kejadian ini dari sumber maklumat yang sahih dan mematuhi arahan agensi yang berkuasa.

Sekian, terima kasih.

DR SELAHUDEEN BIN ABD AZIZ
Pengarah Kesihatan Negeri Johor

7 Mac 2019